

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN KOK WAI  
(CHERAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.10.2016**

**Y.B. TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang dapat dijimatkan daripada potongan bajet dan kawalan kos ke atas perbelanjaan pelbagai Kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan sepanjang 6 bulan lalu. Juga nyatakan pelbagai kategori perbelanjaan yang terlibat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Selaras dengan Pengubahsuaian Bajet 2016 pada bulan Januari yang lepas, Kerajaan telah mengumumkan langkah mengoptimumkan perbelanjaan yang dapat mengurangkan sehingga RM9 bilion daripada Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Pengurangan

bajet ini tidak menjejaskan operasi utama kementerian/ jabatan/ agensi. Antara perbelanjaan yang terlibat dan langkah untuk kawalan kos adalah seperti berikut:

- Merasionalisasi pemberian geran kepada Tabung Amanah Kerajaan, Badan Berkanun Persekutuan dan GLC;
- Merasionalisasi dan menyusun semula entiti merangkumi *Company Limited by Guarantee* (CLBG) dan badan berkanun; dan
- Mengawal perbelanjaan dengan lebih berhemat terutamanya bekalan dan perkhidmatan melalui pengeluaran Garis Panduan Langkah-Langkah Mengoptimumkan Perbelanjaan Kerajaan. Antaranya, penganjuran majlis rasmi Kerajaan dibuat secara sederhana dan diadakan di premis milik Kerajaan.

Selain itu, langkah perbelanjaan berhemat ini tidak melibatkan pengurangan emolument kakitangan awam, pencen pesara dan program bantuan kepada rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Bagi projek pembangunan pula, keutamaan diberikan kepada program yang mempunyai kesan langsung kepada rakyat termasuk pembinaan rumah mampu milik, hospital, sekolah, jalan raya dan pengangkutan awam. Pelaksanaan projek utama seperti MRT dan

LRT, Lebuhraya Pan Borneo dan RAPID Pengerang juga akan diteruskan.